

05 MAR 2000

Umno-Batu Berendam

BATU BERENDAM CALONKAN DR MAHATHIR DAN ABDULLAH

MELAKA, 5 Mac (Bernama) -- Umno Bahagian Batu Berendam hari ini mencalonkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai presiden pada pemilihan parti Mei ini.

Bahagian itu juga mencalonkan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai timbalan presiden.

Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak, Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman dan Menteri Besar Selangor pula dicalonkan untuk jawatan-jawatan naib presiden parti.

Bahagian Batu Berendam, yang diketuai Ketua Menteri Datuk Wira Mohamed Ali Rustam, ialah bahagian pertama daripada lima bahagian Umno di Melaka yang mengadakan mesyuaratnya.

Pencalonan semua jawatan itu termasuk 25 calon jawatan Majlis Tertinggi (MT) dibuat secara sebulat suara pada mesyuarat perwakilan bahagian itu di sini, hari ini.

Bagi jawatan MT, bahagian itu mencalonkan Mohamed Ali, Menteri Besar Perlis Tan Sri Shahidan Kassim, Menteri Besar Kedah Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, Menteri Besar Pahang Datuk Adnan Yaakob, Menteri Besar Perak Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali dan Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang Datuk Dr Helmi Yahaya.

Yang lain ialah Datuk Dr Suleiman Mohamad, Datuk Dr Shafie Mohd Salleh, Datuk Khalid Yunus, Adam Hamid, Datuk Dr Yusof Nor, Datuk Mustapha Mohamad, Tan Sri Kasitah Gadam, Datuk Azmi Khalid, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir, Datuk Nazri Aziz, Datuk Anuar Musa, Abdul Azim Zabidi, Tan Sri Sanusi Junid, Datuk Shahrizat Abdul Jalil, Datuk Shafie Apdal, Datuk Dr Affifudin Omar, Datuk Dr Ibrahim Saad, Datuk Seri Megat Junit Megat Ayob dan bekas Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Tan Sri Rahim Tamby Chik.

Terdahulu, semasa merasmikan mesyuarat itu, Mohamed Ali meminta ketua-ketua cawangan supaya menghentikan agenda mempopularkan diri untuk terus menguasai cawangan tetapi membiarkan sokongan terhadap parti terhakis.

Beliau berkata usaha menangani pengaruh parti pembangkang perlu digemblengkan daripada sekarang bagi menjamin Umno terus mendapat sokongan pada pilihan raya akan datang.

Katanya kerajaan negeri juga berusaha menangani pengaruh golongan profesional yang menyokong dan berkempen bagi parti pembangkang dengan menggugurkan firma-firma milik mereka daripada menjadi panel jabatan atau agensi kerajaan negeri.

Beliau berkata kerajaan negeri akan menamatkan kontrak serta tidak mengesahkan jawatan pegawai atau kakitangan agensinya yang didapati menyokong dan berkempen untuk parti pembangkang.

"Bagi penyokong pembangkang di peringkat akar umbi atau kampung, pengaruh mereka perlu diatasi oleh para pemimpin peringkat cawangan," katanya.

-- BERNAMA

MOZ NAK